



Ruj. Kami : KPM.JPP.(A).700-1/9 ( 4 )  
Tarikh : 9 Februari 2015

**Pengarah Politeknik  
Kementerian Pendidikan Malaysia**

YBhg. Dato'/ Tuan,

**CADANGAN PELAKSANAAN SEMESTER PENDEK DI POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2015**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Semester Pendek Politeknik KPM Bil. 1/2015 pada 29 Januari 2015 yang melibatkan beberapa bahagian yang berkaitan di JPP.

3. Susulan daripada mesyuarat tersebut, beberapa cadangan pelaksanaan semester pendek telah dikenalpasti untuk dipertimbangkan di peringkat politeknik sehingga Garis Panduan Semester Pendek Politeknik Edisi 2013 yang sedang berkuatkuasa disemak semula. Sehubungan dengan itu, politeknik dicadangkan untuk :


- i. melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam tempoh kurang dari LAPAN (8) minggu semester pendek dengan syarat *student learning time* (SLT) dipenuhi.
- ii. menawarkan kursus wajib program (*compulsory course*), kursus elektif (*elective course*) atau kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir.
- iii. menghadkan bilangan kursus yang boleh diambil oleh seseorang pelajar dalam semester pendek dengan tidak melebihi ENAM (6) kredit.

- iv. membuat kawalan pendaftaran kursus dengan tidak membenarkan pelajar mengambil kursus yang mempunyai Gagal DUA kali.
  - v. mengadakan pemantauan oleh penasihat akademik (PA) terhadap pelajar yang akan mengambil semester pendek.
4. Cadangan ini diutarakan dengan mengambilkira beberapa faktor antaranya ialah:
- i. masa yang singkat untuk memproses dan mengesahkan keputusan semester pendek pelajar memandangkan keputusan rasminya hanya diumumkan pada minggu pertama sesi Jun iaitu pada minggu suaikenal dan pendaftaran pelajar.
  - ii. pengiraan semester pendek sebagai bukan semester lazim/ hakiki dalam Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) menyebabkan pelajar berstatus gagal berhenti (GB) masih boleh meneruskan pengajian.
5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, pihak YBhg. Dato'/ tuan boleh berhubung dengan pegawai kami, Pn. Alinawate binti Ali melalui e-mel [alinawate.ali@moe.gov.my](mailto:alinawate.ali@moe.gov.my) atau di talian 03-88919350/ 012-6918277. Kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Dato'/ tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(HJ. MOHD GHAUS BIN AB. KADIR)**  
Pengarah Kanan (Akademik)  
Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pendidikan Malaysia